

18 DEC 2003

Mahathir-Inggeris/I

PENGUASAAN BAHASA INGGERIS PENTING BAGI PEMBANGUNAN NEGARA: DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 18 Dis (Bernama) -- Malaysia perlu meneruskan usaha untuk mencapai pembangunan pesat dengan sedaya upaya menguasai ilmu pengetahuan melalui penggunaan bahasa Inggeris, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata mahu tidak mahu, Malaysia telah memutuskan mengenai keperluan serius mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bagi memastikan pengetahuan baru Sains dan Matematik diperolehi dengan cepat, kedua-dua subjek itu diajar dalam bahasa Inggeris sejak peringkat sekolah rendah.

Dalam majlis syarahan pertamanya di sini, beliau berkata pejuang kebangsaan tentunya tidak gemar dengan dasar baru itu kerana ia seolah-olah memperkecilkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa utama Malaysia.

"Memanglah pada tahap tertentu. Tetapi pilihannya ialah antara membataskan peluang menguasai ilmu baru dan seterusnya memperlahankan pembangunan Malaysia, atau berusaha mempercepatkan pembangunan dengan secara agresif menguasai ilmu baru melalui penggunaan bahasa Inggeris," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian semasa menutup seminar tiga hari mengenai Bahasa dan Kenegaraan anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau berkata tamadun Arab dan Eropah mendapat manfaat kerana kesediaan belajar ilmu pengetahuan dalam bahasa lain.

Dr Mahathir juga berkata jika bahasa Malaysia ingin lebih dikenali, pengamal bahasa itu perlu maju dalam pembangunan material dan bagi mencapainya, mereka perlu bersedia mempelajari bahasa Inggeris, bahasa ilmu masa kini.

Jika mereka terus terbatas dengan bahasa Malaysia, katanya, sukar untuk mereka membangun dan membina tamadun Melayu yang lebih gagah.

"Oleh itu mempelajari bahasa Inggeris bukannya bermakna tidak berjiwa kebangsaan, selagi kita tidak mengabaikan bahasa kebangsaan," tambahnya.

-- BERNAMA

MAM MOZ